

Nilai murni sektor awam dipertingkatkan

Garis panduan perbaiki integriti perlu dilaksana segera: PM

Oleh Norfatimah Ahmad dan Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Kerajaan semalam melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan keberkesanan program nilai murni dalam sektor perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau sudah mengarahkan garis panduan itu dilaksanakan segera dengan setiap ketua jabatan dan agensi kerajaan melaksanakan sistem itu di organisasi mereka.

"Saya percaya pelaksanaan sistem ini akan membantu meningkatkan tahap integriti dan amalan nilai murni dalam sektor awam, seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Bagi melaksanakan sistem itu, tiga dokumen pelaksanaan dan lima instrumen sistem pengurusan audit nilai akan diguna pakai," katanya selepas merasmikan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (Maca) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan dan Pemangku Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Saïd Hamdan.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (Maca) mula dibina pada Februari 2005 dan siap sepenuhnya pada 16 Januari 2006. Pusat itu mempunyai 13 dewan syarahan, 37 bilik perbincangan kumpulan, dewan serba guna, perpustakaan dan makmal komputer.

Abdullah berkata, langkah meningkatkan integriti sektor awam sentiasa diusahakan termasuk dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai keutuhan pengurusan kerajaan menerusi pelbagai program termasuk pemupukan nilai-nilai murni.

Selain itu, Abdullah berkata, BPR



TINGKAT INTEGRITI: Abdullah menandatangani plak merasmikan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Nazri (kiri) dan Ahmad Saïd.

FAKTA NOMBOR

Rasuah di Malaysia

663

Kes disiasat pada 2001

1,317

Kes disiasat pada 2006

564

Tangkapan pada 2006

terus tegas melakukan siasatan dan statistik terkini menunjukkan bilangan kes yang disiasat meningkat dua kali ganda daripada 663 pada 2001 kepada 1,317 kes pada 2006.

"Tangkapan berkaitan rasuah juga meningkat 77 peratus daripada 318 pada 2001 kepada 564 pada 2006. Lebih membanggakan, kadar sabitan jenayah meningkat daripada kurang 50 peratus beberapa tahun lalu kepada 74 peratus tahun lalu," katanya.

Abdullah berkata, walaupun ada pihak berpendapat kadar itu masih rendah, pencapaian berkenaan tidak patut diperkecilkan kerana proses rasuah semakin kompleks dan rumit berikutan peningkatan penggunaan teknologi dalam kebanyakan urusan niaga.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengenal pasti strategi serampang

tiga mata dalam menangani gejala rasuah iaitu pelaksanaan langkah pencegahan, hukuman dan pembinaan keupayaan.

Ditanya mengenai pelantikan Ketua Pengarah baru BPR, Abdullah berkata, kerajaan sedang meneliti latar belakang calon untuk mengisi jawatan itu yang kini kosong berikutan kontrak Datuk Seri Zulkipli Mat Noor tidak dilanjutkan.

Mengenai rakan strategik Proton, Abdullah berkata, Volkswagen AG (VW) belum menghubungi beliau untuk menetapkan pertemuan.

Baru-baru ini, Abdullah dilaporkan berkata beliau tidak boleh "menunggu lama" untuk Pengerusi VW menemuinya bagi membincangkan kemungkinan membentuk pakatan dengan Proton.